

15 • Prasarana Teknologi Maklumat dan Komunikasi



15.1 PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

Pembangunan Aplikasi/Modul Baru

Bagi memastikan universiti memanfaatkan ICT di dalam menyokong urusan pentadbiran, pengajaran dan penyelidikan, beberapa aplikasi/modul baharu telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*) bersesuaian dengan keperluan semasa.

Jadual 1: Aplikasi/Modul baru yang dibangunkan

Bil.	Nama Aplikasi / Modul	Keterangan	Pemilik Aplikasi
1	Sistem Maklumat HEPA (eHEPA)	Penambahbaikan eHEPA - Modul Cenderahati : 1) Fungsi Penerimaan 2) Fungsi Pengeluaran 3) Fungsi Pelaporan	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
2	Sistem ePOHONHEPA	Penambahbaikan ePOHONHEPA : 1) Kemaskini Permohonan Peruntukan 2) Senarai Permohonan Peruntukan 3) Borang Permohonan Kelulusan Peruntukan 4) Status Permohonan Peruntukan 5) Fungsi Muatnaik Surat Kelulusan TNC HEPA 6) Fungsi Pengurusan Senarai Peruntukan Mengikut Tahun 7) Pemohon boleh pilih peruntukan yang berkenaan	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
3	Projek Penambahbaikan Sistem eHEPA dan OSI (Integrasi dengan SISMI)	Pembangunan Modul Permohonan Program (OSI) : 1) Pengurusan Senarai Ahli. 2) Pendaftaran Almanak. 3) Pendaftaran Kertas Kerja. 4) Paparan Kalendar Program. 5) Penghantaran Laporan Program. Pembangunan Modul Pengesahan Program (e-HEPA): 1) Pengurusan Senarai Admin Pelajar. 2) Pengesahan Kertas Kerja. 3) Pengesahan Laporan Program.	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
4	Online Postgraduate Application (OPA)	Borang PIT12 telah berjaya dibangunkan dimana borang ini digunakan oleh pelajar PhD untuk menghantar borang Thesis secara atas talian.	Pusat Pengajian Siswazah
5	Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (IUSHRM 2.0)	1) Pembangunan sistem baru bagi menambahbaik sistem sedia ada dari segi antaramuka, fungsi dan memenuhi keperluan pengguna dan sistem HRMIS. 2) Antara modul yang telah dibangunkan dan dalam proses pembangunan adalah: - Modul Perjawatan Staf - Pelaksanaan - Modul Gaji - Pembangunan - Modul Latihan - Pembangunan - Modul Cuti - Pilot test - Modul Perjalanan - Pelaksanaan - Modul Pengesahan & Kelulusan - Pilot Test	Jabatan Pendaftar
6	Sistem Pengajian Lanjutan(SPL) Modul Postdoctoral	Penambahbaikan SPL - Modul PostDoctoral: 1) Modul merangkumi status pelajar postdoctoral Inbound dan Outbound. Maklumat yang disimpan meliputi a) Maklumat Peribadi b) Kelayakan Akademik c) "Research Proposal" 2) Carian Maklumat Inbound dan Outbound	Jabatan Pendaftar (Unit Cuti Belajar)
7	Sistem Kehadiran Staf (eHadir)	1) Laporan Statistik Kehadiran Staf mengikut PTJ 2) Laporan Statistik Kehadiran Staf - Carian Individu 3) Laporan Senarai Cuti Umum/Pelepasan AM 4) Laporan Statistik Kehadiran Senamrobik Staf 5) Laporan Senarai Program/ Aktiviti Universiti beserta Senarai Kehadiran Staf	Jabatan Pendaftar, Unit Pentadbiran
8	Sistem Merekodkan Kehadiran Staf dan Pelajar ke Majlis Ucaptama Naib Canselor	Tujuan system ini dibangunkan adalah bagi merekodkan kehadiran staf dan pelajar ke Majlis Ucaptama Naib Canselor 1) Berasaskan konsep Web Mobile Application 2) Pengguna perlu Logon ke sistem dengan mengesahkan maklumat diri melalui No Staf/ No Matrik dan No Kad Pengenalan/Pasport 3) Pengesahan kehadiran adalah dengan memasukkan Kod yang diberikan semasa selesai majlis ucaptama 4) Status kehadiran dicatatkan sebagai 1 hari kehadiran ke Program/Aktiviti Universiti	Jabatan Pendaftar, Unit Pentadbiran

Bil.	Nama Aplikasi / Modul	Keterangan	Pemilik Aplikasi
		3) Modul Perjawatan Staf - penambahbaikan dari segi tambahan sub-modul, fungsi, antaramuka dan menepati spesifikasi HRMIS. 4) Modul Cuti - penambahbaikan dari segi keperluan pengguna, level kelulusan, antaramuka dan fungsi. 5) Modul Perjalanan - penambahbaikan dari segi antaramuka dan fungsi. 6) Modul Kelulusan & Pengesahan - pembangunan baru dengan mengumpulkan semua jenis kelulusan dan pengesahan di dalam satu modul. 7) Modul Latihan - penambahbaikan dari segi antaramuka, fungsi dan keperluan pengguna baru. 8) Modul Gaji - penambahbaikan dari segi antaramuka, fungsi, keperluan pengguna baru dan integrase dengan Sistem Kewangan.	



Bil.	Nama Aplikasi / Modul	Keterangan	Pemilik Aplikasi
9	Sistem Merekodkan Kehadiran Pelajar ke Program Karnival Kerjaya - Northern Industrial Career Engagement (NICE 2019)	Tujuan system ini dibangunkan adalah bagi merekodkan kehadiran Pelajar ke Program Karnival kerjaya 1) Berasaskan konsep Web Mobile Application 2) Pengguna perlu Logon ke sistem dengan mengesahkan maklumat diri melalui No Matrik dan No Kad Pengenalan/ Pasport 3) Sistem akan mengaktifkan pengimbas kamera untuk mengimbas QR CODE yang dijanakan disetiap lokasi yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur	CIGC
10	Sistem Merekodkan Kehadiran Staf ke Program Senamrobik Mingguan	Tujuan system ini dibangunkan adalah bagi merekodkan kehadiran Staf ke Program Senamrobik Mingguan 1) Berasaskan konsep Web Mobile Application 2) Pengguna perlu Logon ke sistem dengan mengesahkan maklumat diri melalui No Staf/ No Matrik dan No Kad Pengenalan/Pasport 3) Pengesahan kehadiran adalah dengan PENGGUNA mesti Logon ke WIFI UniMAP yang DIBENARKAN SAHAJA 4) Status kehadiran dicatatkan sebagai 1 hari kehadiran ke Program/Aktiviti Universiti	Jabatan Pendaftar
11	Sistem Merekodkan Kehadiran Staf ke Majlis Syarahan Umum Naib Canselor	Tujuan system ini dibangunkan adalah bagi merekodkan kehadiran Staf ke Majlis Syarahan Umum Naib Canselor 1) Berasaskan konsep Android Application 2) Pengguna perlu melakukan instalasi Aplikasi tersebut dan melakukan beberapa kebenaran akses kepada aplikasi 3) Pengguna perlu Logon ke sistem dengan mengesahkan maklumat diri melalui No Staf/ No Matrik dan No Kad Pengenalan/Pasport 4) Sistem akan mengimbas dan mengemaskini kedudukan lokasi pengguna bagi mengesahkan kehadiran ke majlis tersebut 5) Status kehadiran dicatatkan sebagai 1 hari kehadiran ke Program/Aktiviti Universiti	Jabatan Pendaftar
12	Sistem UniMAP Security Integrated System (USIS)	1) Modul Carian Maklumat Staf 2) Modul Carian Maklumat Pelajar 3) Modul Carian Pelekat Kenderaan (Staf, Pelajar dan Pelawat) 4) Modul Aduan/Saman a. Status Aduan/Saman b. Laporan Aduan/Saman	Jabatan Pendaftar
13	Sistem UniDEBIT	1) Modul Carian & Kemaskini No Account Bank Pelajar 2) Penambahbaikan Sistem - Pop Up Mesej Peringatan selepas logon ke system 3) Modul Laporan Senarai Pelajar MSK a. Intake Diploma 2019/2020 b. Intake Ijazah 2019/2020	Jabatan Pendaftar


Bil.	Nama Aplikasi / Modul	Keterangan	Pemilik Aplikasi
14	Sistem Pengambilan Gambar Pelajar (Self Check Photo System)	Tujuan system ini dibangunkan adalah bagi memudahkan system pengambilan gambar pelajar 1) Berasaskan konsep Web Mobile Application 2) Pengesahan maklumat adalah dengan carian pelajar melalui no matrik 3) Gambar akan dicapture menggunakan webcam komputer riba atau usb	Jabatan Pendaftar
15	Sistem Paparan dan Audio Graduan bagi Majlis Konvokesyen UniMAP	Tujuan system ini dibangunkan adalah bagi memaparkan dan bacaan nama graduan semasa majlis konvokesyen 1) Berasaskan konsep Desktop Application 2) Data senarai graduan yang telah mengesahkan kehadiran diisihkan mengikut sidang dan susunan nama 3) Pengemaskinian data kehadiran terkini graduan 4) Petugas ICT akan memaparkan nama dan audio graduan melalui sistem	Jabatan Pendaftar
16	Academic Management Information System (AMIS V2) Peperiksaan / (Examination) - Student Full Transcript - Majoring	Tujuan pembangunan transkrip yang mempunyai maklumat pengkhususan program adalah untuk cetakan baru pada transkrip bagi program yang mempunyai pengkhususan.	Jabatan Pendaftar
17	Academic Management Information System (AMIS V2) Peperiksaan / (Examination) - Enter Student Grade - Semakan Syarat Lulus Program Kejuruteraan	Tujuan tambahan fungsi semakan syarat lulus kursus-kursus program kejuruteraan adalah untuk memastikan UniMAP mematuhi klausa berkenaan 'Condition for passing the course' yang ditetapkan oleh pihak Engineering Accreditation Council (EAC) dan telah diluluskan pada Mesyuarat Senat ke-93	Jabatan Pendaftar
18	Academic Management Information System (AMIS V2) Peperiksaan / (Examination) - Student Full Transcript - Transkrip Sementara Versi BM dan BI	Tujuan pembangunan transkrip sementara BM dan BI adalah untuk cetakan dan salinan kepada pelajar sebelum transkrip rasmi dikeluarkan selepas majlis konvokesyen.	Jabatan Pendaftar
19	Academic Management Information System (AMIS V2) - Kemasukan/ (Admission)	Tujuan penambahan adalah untuk menambahbaik fungsi sedia ada dan memudahkan pengurusan pengambilan pelajar baru. Penambahan melibatkan: - Tambahan input mode pengajian pelajar (Full time, Part time, Flexi Time) - Tambahan fungsi penghantaran emel makluman kepada calon jika gambar passport kegunaan kad matrik ditolak oleh admin di sistem AMIS. - Modul semakan dokumen permohonan calon Diploma UniMAP	Jabatan Pendaftar

Bil.	Nama Aplikasi / Modul	Keterangan	Pemilik Aplikasi
20	Academic Management Information System (AMIS V2) - Profil Pelajar / (Student Profile)	Tujuan penambahan paparan senarai rakan sebilik pelajar pada profil pelajar adalah untuk memudahkan pengguna mendapatkan maklumat terperinci berkenaan hal ehwal kolej kediaman pelajar.	Jabatan Pendaftar
21	Academic Management Information System (AMIS V2) - Profil Staf / (Staff Profile) - Academic Advisor	Tujuan pembangunan pelaporan adalah untuk memudahkan Penasihat akademik menyemak maklumat terperinci pelajar dibawah seliaan yang merangkumi maklumat : a. Hutang Pelajar b. Kredit Terkumpul c. Profil Pelajar Sejarah Akademik Pelajar beserta maklumat terperinci pencapaian setiap kursus pelajar.	Jabatan Pendaftar
22	Academic Management Information System (AMIS V2) - Pengurusan Programme / (Programme management) - Online HEA01(B)	Tujuan pembangunan submodule ini adalah untuk mengurus proses permohonan penawaran kursus baharu. Berikut adalah pembangunan baru submodule dalam modul Online HEA01(B): - Set Teaching Plan Guideline - Create New Course Offering - New Course Review by PR - New Course Review by AR - New Course Certified Dean - New Course Approved by TD (BPA) - New Course Approved by Dekan (BPA) - New Course Verification By JPA - New Course Verification By Senate - Report	Jabatan Pendaftar
23	Academic Management Information System (AMIS V2) - Pengurusan Programme / (Programme management) - Create Program	Penambahan input item pengkhususan bagi setiap program. Melibatkan fungsi insert,update,view dan delete. Tujuan pembangunan adalah untuk selaraskan data program sedia ada dengan penambahan program mengikut mode kemasukan pelajar	Jabatan Pendaftar
24	Academic Management Information System (AMIS V2) - Pendaftaran / (Registration) - Additional Semester Registration	Tujuan pembangunan submodule ini adalah untuk memapar serta menyemak kursus yang mencukupi syarat untuk paparan permohonan pelajar.	Jabatan Pendaftar
25	Academic Management Information System (AMIS V2) - Pengijazahan / (Graduation) - Set Majoring	Tujuan pembangunan fungsi ini adalah untuk menetapkan maklumat pengkhususan program pelajar pada paparan transkrip pelajar.	Jabatan Pendaftar
26	Academic Management Information System (AMIS V2) - Pengijazahan / (Graduation) - Graduation Audit - Grad Pool Course	Tujuan pembangunan fungsi GRAD POOL COURSE ialah untuk menetapkan kredit maksimum kursus elektif bagi tujuan semakan pengijazahan.	Jabatan Pendaftar

Bil.	Nama Aplikasi / Modul	Keterangan	Pemilik Aplikasi
27	Online Offer Letter	Tujuan penambahbaikan adalah bagi memudahkan urusan penawaran pelajar baru. Penambahan merangkumi: - Penambahan fungsi bagi calon pelajar yang menolak tawaran ke UniMAP mengisi sebab menolak tawaran. - Mewujudkan link surat tawaran tajaan biasiswa di muka depan sistem untuk makluman awal. - Mewujudkan nomatrik unik bagi pelajar Flexi Time,Part Time,Mobiliti dan Full time. - Tambahan fungsi paparan surat tawaran pelajar mengikut mode pengajian pelajar	Jabatan Pendaftar
28	Online Student Information (OSI) - Course Registration > 1) Course Application For Additional Sem 2) Course Registration For Additional Sem	Tujuan pembangunan baru submodule ini adalah untuk semakan bagi membolehkan pelajar mendaftar kursus yang layak sahaja pada semester tambahan.	Jabatan Pendaftar
29	Online Student Information (OSI) - Course Registration > 1) Surat Pengesahan Pelajar Atas Talian	Tujuan pembangunan submodule ini adalah untuk memudahkan pelajar mencetak surat pengesahan sebagai pelajar UniMAP yang masih aktif.	Jabatan Pendaftar
30	Sistem Maklumat Konvokesyen Pelajar (eConvo) - Surat Jemputan Konvokesyen yang mempunyai Barcode	Tujuan pembangunan adalah untuk memudahkan semakan kehadiran graduan semasa proses pengambilan pakaian konvokesyen.	Jabatan Pendaftar
31	Sistem Maklumat Konvokesyen Pelajar (eConvo) - Transkrip Sementara	Tujuan pembangunan adalah untuk membolehkan para graduan membuat permohonan mendapatkan transkrip sementara.	Jabatan Pendaftar
32	i-Admission (Sistem Permohonan Pelajar Antarabangsa	Tujuan Pembangunan sistem baru ini adalah untuk memudahkan calon pelajar antarabangsa memohon pengajian ke UniMAP.	Jabatan Pendaftar
33	Sistem Permohonan Diploma (Dalaman) - Fungsi Muat Naik Dokumen	Tujuan pembangunan fungsi ini adalah untuk memudahkan pelajar memuatnaik dokumen -dokumen permohonan .	Jabatan Pendaftar
34	Sistem Saringan Minda Sihat (DASS)	Tujuan sistem ini dibangunkan untuk menilai tahap kesihatan mental pesakit dengan kaedah menjawab soalan-soalan kaji selidik yang diberi. Penilaian mengambil kira markah berdasarkan pilihan jawapan kepada setiap soalan yang di jawab. Sistem ini terdiri daripada : 1) Gabungan soalan-soalan kaji selidik 2) Penilaian markah secara auto berdasarkan pilihan jawapan 3) Paparan keputusan kesihatan minda pesakit 4) Laporan statistik mengikut keperluan	Pusat Kesihatan Universiti

15.2 PENYELENGGARAAN SISTEM APLIKASI

Jumlah penyelenggaraan sistem yang memerlukan penyelenggaraan *major* direkodkan pada tahun 2019 adalah sebanyak 129 permohonan. Penyelenggaraan yang dipohon oleh pengguna sistem berkaitan termasuklah penambahan fungsi, penambahbaikan sistem, permohonan *publicweb* dan pelaporan serta perubahan disebabkan perubahan polisi atau proses kerja.



Rajah 15.1: Jumlah keseluruhan penyelenggaraan tahun 2019 pecahan mengikut Jabatan

15.3 PROGRAM PENJANAAN KEWANGAN

Pusat ICT telah mendapat beberapa projek untuk menjana kewangan Universiti.

1. Sistem Maklumat Sukan & Liga Bola Sepak IPTA 2019

Sistem ini dibangunkan untuk kegunaan Liga Bola Sepak IPTA 2019. Bermula dari proses awal iaitu terlibat dalam menganalisa keperluan sistem BOLA SEPAK bersama KPT dan UiTM, terlibat dalam mengenalpasti rekabentuk sistem yang sesuai dan melakukan penormalan pangkalan data baru. Seterusnya menulis kod aturcara bagi Sistem Bola Sepak, melakukan dokumentasi, melakukan penyelenggaraan dan *backup*. Terdapat 10 Modul di dalam sistem tersebut iaitu:

1. Modul Pendaftaran Atlet
2. Modul Pendaftaran Pegawai
3. Modul Laporan Statistik
4. Modul Teknikal Sukan
5. Modul Administrator
6. Modul Akses
7. Modul Pertukaran Atlet
8. Modul Kemasukan Markah
9. Modul pelaporan
10. Laman Web

2. Sistem Maklumat Sukan & Liga Futsal IPTA 2019

Sistem ini dibangunkan untuk kegunaan Liga Futsal IPTA 2019. Bermula dari proses awal iaitu terlibat dalam menganalisa keperluan sistem Futsal bersama KPT dan IIUM, terlibat dalam mengenalpasti rekabentuk sistem yang sesuai dan melakukan penormalan pangkalan data baru. Seterusnya menulis kod aturcara bagi Sistem Futsal, melakukan dokumentasi, melakukan penyelenggaraan dan *backup*. Terdapat 10 Modul di dalam sistem tersebut iaitu:

1. Modul Pendaftaran Atlet
2. Modul Pendaftaran Pegawai
3. Modul Laporan Statistik
4. Modul Teknikal Sukan
5. Modul Administrator
6. Modul Akses
7. Modul Pertukaran Atlet
8. Modul Kemasukan Markah
9. Modul pelaporan
10. Laman Web

3. Sistem Maklumat Sukan Institusi Pendidikan Malaysia(SIPMA) 2019

Sistem ini dibangunkan bagi menjayakan Kejohanan Sukan SIPMA 2019 yang lain di bawah anjuran Unit Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) bagi tahun 2019. Terdapat 4 Modul di dalam sistem tersebut iaitu:

1. Modul Pendaftaran Atlet
2. Modul Pendaftaran Pegawai
3. Modul Pendaftaran Sukarelawan
4. Laman Web Rasmi

4. Sistem Maklumat Sukan 'Higher Education Sports Fest'HESF 2020

Sistem ini dibangunkan bagi menjayakanKejohanan Sukan 'Higher Education Sports Fest' (HESF 2020) anjuran Unit Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) bagi tahun 2020. Terdapat 9 Modul di dalam sistem tersebut iaitu:

1. Modul Pendaftaran Atlet
2. Modul Pendaftaran Pegawai
3. Modul Pendaftaran Sukarelawan
4. Modul Laporan Statistik
5. Modul Teknikal Sukan
6. Modul Kemasukan Markah
7. Modul Pungutan Pingat
8. Laman Web Rasmi
9. Mobile App

5. Sistem MaklumatSukan Kejohanan Utama Lain 2019/2020

Sistem ini dibangunkan untuk kegunaan Kejohanan Sukan Utama yang lain di bawah anjuran Unit Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) bagi tahun 2019/2020. Terdapat 9 Modul di dalam sistem tersebut iaitu:

1. Modul Pendaftaran Atlet
2. Modul Pendaftaran Pegawai
3. Modul Pendaftaran Sukarelawan
4. Modul Laporan Statistik
5. Modul Teknikal Sukan
6. Modul Kemasukan Markah
7. Modul Pungutan Pingat
8. Laman Web Rasmi
9. Mobile App

15.4 RANGKAIAN PUSAT ICT

Capaian Point-To-Point Berkelajuan 100 Mbps Untuk Sambungan Rangkaian Kampus Simpang Empat ~ Pauh Putra, UniMAP

UniMAP mempunyai sebuah asrama pelajar iaitu Kolej Kediaman Tun Abdullah Ahmad Badawi di mana ia terletak di Simpang Empat, Kuarters Institusi Pendidikan, Simpang Empat, Perlis.

Kolej Kediaman Tun Abdullah Ahmad Badawi telah diduduki oleh 1,000 pelajar daripada fakulti 'School of Business Innovation & Technopreneurship'.


Pusat ICT UniMAP telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan capaian rangkaian & internet untuk warga UniMAP di kampus tersebut. Pusat ICT telah mengaktifkan perkhidmatan capaian rangkaian berwayar untuk semua bilik asrama pelajar berkenaan.

Bagi membolehkan para pelajar akses ke internet, teknologi Litar Suwa Telekom Malaysia telah dilanggan seperti butiran berikut:

Tajuk: 'Perkhidmatan Talian Litar Suwa Telekom Malaysia Berkelajuan 4 Mbps Untuk Sambungan Kampus Simpang Empat ke Bilik Telco ICT Kampus Kubang Gajah, UniMAP'. Tahun mula operasi: sejak tahun 2010.


Setelah masa berlalu, keperluan dan penggunaan bandwidth di asrama ini didapati semakin meningkat selari dengan kemajuan teknologi ICT dan kehendak Pengajaran & Pembelajaran universiti. Pusat ICT UniMAP telah mengambil tindakan proaktif dengan menaiktaraf bandwidth sediaada daripada 4 Mbps kepada 100 Mbps, menggunakan teknologi terkini Metro-Ethernet Telekom Malaysia.

Merujuk kepada lampiran graf Sistem Pemantauan Rangkaian MRTG Metro-E 4 Mbps di bawah iaitu sebelum projek menaiktaraf bandwidth Simpang Empat kepada 100 Mbps dilaksanakan, penggunaan bandwidth (download/graf hijau) didapati hampir penuh sepanjang masa.



- 174 Antara rasional yang membawa kepada cadangan penambahbaikan perkhidmatan rangkaian di asrama pelajar kampus Simpang Empat ialah:
- Menggantikan teknologi lama perkhidmatan *Litar Suwa* kepada perkhidmatan *Metro-E* Telekom Malaysia di Kampus Simpang Empat yang telah dilanggan setiap tahun sejak tahun 2010.
 - Meningkatkan kecekapan capaian rangkaian & internet dengan menggantikan sambungan rangkaian sediaada Kampus Simpang Empat - Kubang Gajah - Pusat Data Pauh Putra, kepada sambungan Kampus Simpang Empat - Pusat Data Pauh Putra.
 - Menaiktaraf jalurlebar (bandwidth) rangkaian Kampus Simpang Empat ke Pusat Data ICT Pauh Putra sebanyak 25 kali ganda iaitu daripada 4 Mbps kepada 100 Mbps. Penggunaan jalurlebar sediaada di Simpang Empat adalah sentiasa tinggi sepanjang masa.
 - Tiada penambahan kos, memandangkan pihak Telekom Malaysia menawarkan pakej menaiktaraf ini dengan kos langganan yang sama seperti sediaada.
 - UniMAP bakal menerima keputusan yang lebih baik kerana telah meningkatkan prestasi operasi rangkaian LAN kampus teragih ke Pusat Data ICT kampus Pauh Putra.
 - Tindakan menaiktaraf jalurlebar ini akan menjadi salah satu langkah penyelesaian terhadap aduan rasmi daripada warga kampus Simpang Empat yang sedang dihuni oleh mahasiswa/i dari Pusat Pengajian Inovasi & Teknousahawan seramai hampir 1200 orang.

Pengujian Speedtest (<http://speedtest.tm.com.my>) telah dilaksanakan untuk pengesahan penggunaan bandwidth oleh sebuah komputer staf Pejabat asrama UniMAP Simpang Empat telah disediakan untuk Pusat ICT serta dijadikan lampiran untuk laporan Capacity Planning ini. Di dalam snapshot statistik 'speedtest' di bawah telah menunjukkan statistik penggunaan bandwidth rangkaian Point-To-Point terkini yang beroperasi di Kampus Simpang Empat:



Merujuk kepada gambarajah di atas, boleh disimpulkan bahawa langganan perkhidmatan Point-To-Point Berkelajuan 100 Mbps adalah menepati dengan keperluan warga UniMAP seramai hampir 1200 orang di Kampus Simpang Empat bagi menyokong aktiviti Pengajaran, Pembelajaran, Penyelidikan, dan Pentadbiran sesebuah universiti.